

# Bangunkan kemahiran pelajar sebelum masuk universiti

UB 24.10.2016 A3

Oleh ALFRED PETRUS

KOTA KINABALU: Pelajar sekolah menengah kini perlu membangunkan kemahiran sebelum melangkah ke alam universiti.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Shahril Yusof berkata ia adalah bagi meningkatkan lagi pencapaian diri setiap pelajar dalam pelbagai kemahiran termasuk sains dan inovasi.

"Pencapaian dalam pembelajaran sahaja tidak mencukupi kerana perlajar perlu ada kemahiran lain sebelum ke universiti.

"Jika anda tidak berubah, kita tidak dapat meningkatkan diri kita," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Young Innovative Sabah Competition 2016, di sini, kelmarin.

Menurutnya perubahan dalam pembelajaran di univer-



**SHAHRI** (sembilan kiri) bersama pihak pengajur dan pemenang pertandingan itu.

siti juga perlu diubah mengikut peredaran masa.

Katanya pelajar perlu menanam nilai berinovasi, mempunyai sifat berani dalam meluahkan perasaan, penyelesaian masalah, dan mempunyai daya komunikasi yang baik.

"Ini yang amat diperlukan di masa akan datang dan saya sering mengatakan kepada pensyarah-pensyarah UMS agar melakukan transformasi dalam pembelajaran.

"Tranformasi ini juga bagus sekiranya dapat dilakukan di

peringkat sekolah menengah lagi," katanya.

Sharil berkata walaupun program berkenaan adalah kali pertama diadakan di Sabah, ia memberi manfaat kepada pelajar UMS untuk menjadi mentor kepada 18 sekolah yang menyertai pertandingan berkenaan.

Beliau berharap program berkenaan dapat diteruskan di masa akan datang bagi memajukan aktiviti berkaitan sains dan inovasi dalam kalangan pelajar sekolah khususnya di

Sabah.

Untuk itu, beliau akan cuba mendapatkan dana daripada pihak universiti untuk menjayakan program berkenaan kelak.

Sementara itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandaraya dinobatkan sebagai pemenang pertandingan berkenaan.

Manakala, naib johan serta tempat ketiga masing-masing dimenangi oleh Sekolah Menengah (SM) St Michael dan SM All Saint.